

ANALISIS MANHAJ DABT DALAM SURAH AL-BAQARAH: KAJIAN MANUSKRIP AL-QURAN MSMA021 KOLEKSI PUSAT MANUSKRIP NARATHIWAT

ANALYSIS OF THE MANHAJ DABT IN SURAH AL-BAQARAH: A STUDY OF THE QURAN MANUSCRIPT MSMA021 FROM THE NARATHIWAT MANUSCRIPT CENTER COLLECTION

Abdulloh Salaeh¹
Amran Abdul Halim²
Syed Najihuddin Syed Hassan³
Nidzamuddin Zakaria⁴
Norhasnira Ibrahim⁵
Idi Bin Hamdi⁶

¹ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (abdulloh@Usim.Edu.My)

² Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (amranabdulhalim@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (syednajihuddin@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (nidzamuddin@usim.edu.my)

⁵ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (norhasnira@usim.edu.my)

⁶ Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Malaysia (idi.hamdi@kuis.edu.my)

Article history

Received date : 9-5-2024
Revised date : 15-5-2024
Accepted date : 27-6-2024
Published date : 31-7-2024

To cite this document:

Salaeh, A., Abdul Halim, A., Syed Hassan, S. N., Zakaria, N., Ibrahim, N., & Hamdi, I. (2024). Analisis Manhaj Dabt dalam Surah Al-Baqarah: Kajian manuskrip Al-Quran MSMA021 koleksi pusat manuskrip Narathiwat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (64), 101 – 113.

Abstrak: Manuskrip Melayu adalah salah satu hasil seni dan bukti keunggulan serta kehebatan daya cipta masyarakat Melayu tradisional zaman dahulu, Antara kandungan manuskrip yang kerap ditulis adalah tentang kehebatan sesebuah kerajaan dan lain-lain. Dabt juga adalah suatu disiplin ilmu yang berkaitan dengan metode penandaan huruf-huruf al-Quran. Disiplin ilmu ini berlandaskan hukum baik dari sudut bentuk tajwidnya. Fokus utama penelitian ini adalah Analisis Manhaj Dabt dalam Surah al-Baqarah: Kajian Manuskrip al-Quran MSMA021 Koleksi Pusat Manusrip Narathiwat tulisan tangan yang terdapat di Narathiwat, Thailand. Kaedah kajian ini mengguna pendekatan filologis. Metode yang digunakan sepanjang penelitian ini adalah metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi dengan menganalisis teks al-Quran MSMA021. Hasil penelitian yang diperolehi pada analisis pengetahuan dabt dalam naskah al-Quran MSMA021 jelas menunjukkan penulisan dabt mushaf al-Quran MSMA021 tidak mengikuti metode pengetahuan dabt yang

sebenarnya seperti harakat lengkap, tanwin, mad, sabdu, sukun dan hamzah, tetapi lebih sesuai dengan pola penulisan normal. Sebagai hasil dari temuan penelitian ini, penulis mengajukan proposal agar penelitian ini dapat dilakukan secara seterusnya pada surah al-Quran lainnya di Perpustakaan Negara Malaysia yang belum dikaji secara komprehensif yang berasal dari dunia Melayu. Oleh kerana itu, naskhah al-Quran ini merupakan naskhah besar yang akan meningkatkan harakat dan martabat tulisan para ulama terdahulu secara akademik dan lebih berwibawa kepada generasi digital khususnya dalam bidang al-Quran.

Kata Kunci: *Manhaj, Dabt, Naskhah Quran MSMA021, Surah al-Baqarah*

Abstract: *Malay manuscripts are one of the works of art and proof of the superiority and greatness of the creative power of traditional Malay society in the past. Among the contents of manuscripts that are often written is about the greatness of a kingdom and so on. Dabt is also a scientific discipline related to the method of marking the letters of the al-Quran. This science discipline is based on good law from the point of view of the tajweed form. The main focus of this research is the analysis of Dabt metode in the verses of al-Baqarah: A Study of the Manuscript of al-Quran MSMA021 at Narathiwat Manuscript Collection Center which is located in Narathiwat, Thailand. This research method uses a philological approach. The method used throughout this research is the data collection method through the documentation method by analyzing the text of the Quran MSMA021. The research results obtained from the analysis of dabt knowledge in the MSMA021 al-Quran manuscript clearly showed that the writing of the dabt mushaf al-Quran MSMA021 does not comply with the actual science of dabt method such as style of harakat, tanween, madd, shaddah, sukoon and hamzah, but more in line with the normal writing pattern. As a result of the findings of this research, the author submits a proposal so that this research can be carried out continuously on other verses of the Quran in the National Library of Malaysia that have not yet been comprehensively studied that originate from the Malay world. Because of that, this copy of the al-Quran is a large copy that will increase the effort and dignity of the writings of previous scholars academically and be more authoritative for the digital generation, especially in the field of the al-Quran.*

Keywords: *Methodology, science of Dabt, Manuscript of al-Quran MSMA021, verses of al-Baqarah.*

Pendahuluan

Al-Quran adalah kalam dan wahyu Allah SWT, disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril AS. Kitab suci yang menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan ketamadunan manusia sejagat. Kewibawaan al-Quran tidak mungkin dicabar dan kesyumulannya menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia, sementara pembacaannya pula adalah satu ibadah yang tinggi nilainya. Justeru itu, ia perlu dijaga dengan sebaik-baiknya sama ada secara hafalan, penulisan dan juga penandaan. Penulisan al-Quran bukanlah merupakan rekaan semata-mata, malahan ia adalah sunah yang perlu diikuti. Ayat al-Quran dari awal hingga akhir telah ditulis sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Di peringkat awal, ayat al-Quran yang ditulis itu tersimpan berselerak di merata tempat di kalangan para Sahabat RA. Menurut Muhammad Abdurrasyid Ridlo (2022), Al-Quran adalah kitab yang menjadi mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, ditulis dalam mushaf dan disampaikan secara mutawatir. Al-Quran ada 4 ciri utama (Siti Hajar, et al., 2021): pertama sebagai mau'idhah dari sisi Allah swt, kedua sebagai syifâ (obat) segala penyakit yang berada dalam dada, ketiga sebagai petunjuk, dan keempat sebagai rahmat bagi orang-orang yang beriman. Dan setiap fungsi atau sifat tersebut pasti memiliki faidahnya secara khusus.

Al-Quran adalah terdiri dari 114 surah dan susunannya ditentukan oleh Allah SWT dengan cara *tawfiqi* yaitu cara yang pengerjaannya tidak dibuat-buat atau asal jadi, atau memberikan tambahan didalamnya sesuai dengan kehendak manusia. Tidak menggunakan metode sebagaimana metode penyusunan buku-buku ilmiah, seperti membahas satu masalah, selalu menggunakan satu metode tertentu dan dibagi dalam bab-bab dan pasal-pasal, metode ini tidak terdapat dalam al-Quran, yang di dalamnya banyak persoalan induk silih-berganti diterangkan. Tujuan al-Quran juga berbeza dengan tujuan kitab-kitab ilmiah. Untuk memahaminya, terlebih dahulu harus diketahui periode turunnya Alquran. mengetahui periode-periode tersebut, tujuan-tujuan al-Quran akan lebih jelas. (Juli Julaiha et al., 2023).

Pada awalnya kaedah penulisan, iaitu yang disebut rasm, Mushaf Uthmani mempunyai kaedah tersendiri yang amat berlainan daripada kaedah penulisan bahasa Arab biasa yang dikenali dengan Rasm Imla'i. Sebagai contohnya ialah kalimah (مَلِيكَةٌ) Dalam Rasm Imla'i, kalimah tersebut ditulis (ملائكة) Secara realitinya, ramai di kalangan umat Islam selepas generasi sahabat RA, terutama dari kalangan umat Islam yang bukan berbangsa Arab ('ajam) akan menghadapi kesulitan dalam pembacaan al-Quran. Justeru itu, huruf-huruf al-Quran diperlukan suatu bentuk atau kaedah penandaan. Kaedah penandaan atau tanda-tanda yang didapati pada huruf-huruf al-Quran itu disebut dabt. Maka menjadi suatu tanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada golongan penghafaz al-Quran yang secara langsung sebagai pemberi maklumat dan kefahaman terhadap pelbagai lapisan masyarakat sama ada di peringkat sekolah, di kalangan remaja mahupun warga emas dengan memberi pendedahan tentang sejarah penulisan pengumpulan dan pembukuan mashaf al-Quran seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan dengan dabt al-Quran, (Aslam Farah et al., 2018).

Definisi Dabt

Dabt Quran dari segi bahasa berasal daripada bahasa arab iaitu sampai matlamat dalam memelihara sesuatu perkara menurut Ibn Manzur (1414) menjelaskan bahawa kalimah dabt bermaksud: Memelihara sesuatu secara optimum. Manakala Abd Muhaimin Ahmad (2021) menjelaskan dalam artikelnya bahawa dabt ialah "Tanda-tanda khusus yang diberikan kepada huruf yang menunjukkan kepada baris-baris tertentu seperti fathah, dhammah, kasrah, sukun,

mad, tanwin, syiddah atau selainnya. Manakala Zamri Rajab (Zamri Rajab et al., 2021) berkata pula ‘tanda-tanda yang direka oleh alim ulama bagi menjaga ketepatan bacaan al-Quran.

Para ulama sepakat bahawa tanda bacaan ini adalah hasil ijtihad para ulama (tawfiqi) selepas zaman Rasulullah SAW iaitu bermula pada zaman para sahabat RA dan berterusan sehingga ke hari ini. Walaupun begitu, mereka berbeza pandangan tentang orang pertama yang melakukannya (‘Itr, Nur al-Din, 1996). Dapat di simpulkan bahawa ilmu Dabt al-Quran iaitu kaedah *Nuqtah al-I’jam*. Kaedah yang digunakan ini adalah khusus bagi membezakan huruf-huruf yang telah sedia ada dengan memberikan titik dan lain-lain yang berkaitan di dalam al Quran.

Perbezaan Ilmu Dabt Dengan Ilmu Rasm

Jenis Ilmu	Perbincangan
ILMU DABT	tanda-tanda (,alamah) dalam al-quran
	titik-titik untuk membezakan huruf-huru
ILMU RASM	cara menulis lafaz-lafaz dan huruf huruf asal
	kaedah menambah, mengurang, menyambung, memisah dan menggantikan huruf

Latabelakang Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah

Latar Belakang Pengurus Madrasah Ahmadiyah

Nama penuhnya ialah Haji Muhammad Lutfi bin Haji Ahmad bin Osman Samae. Beliau yang merupakan anak kedua dari tiga beradik, telah dilahirkan dalam kawasan pondok atau Madrasah Ahmadiyah pada tahun 1967. Isterinya bernama Hamidah binti Rasak yang berasal dari Teluk Deraman, Pattani. Perkahwinan mereka dikurniakan lima orang cahaya mata iaitu Muhammad Amin, Makmun, Badruddin, Izzuddin dan Usamah (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).

Sejarah Penubuhan

Pada awalnya oleh kerana Kejadian tsunami yang turut melanda selatan Thailand pada 2004 mempunyai hikmahnya tersendiri terhadap sebuah sekolah pondok yang terletak di Bacho, Narathiwat, wilayah paling selatan di negara tersebut. Madrasah Ahmadiyah Islamiah yang dahulunya seperti sekolah-sekolah pondok biasa yang lain, mula mencatat nama di peta dunia sejak tragedi bencana alam itu (Syed Hassan et al., 2018). Kisahnya bermula apabila wakil kerajaan Turki datang ke negara tersebut untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa tsunami. Selepas bantuan dihulurkan, wakil Turki berkenaan berkunjung ke Narathiwat bagi melihat sendiri negeri kelahiran sebahagian besar ulama Nusantara yang antaranya turut menyumbang kepada peradaban Islam dunia, yang sebelum ini hanya diketahui oleh mereka melalui pembacaan sama ada menerusi buku mahu pun melalui alam maya. (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

Beliau juga telah berjaya mengumpulkan manuskrip kitab tulisan Melayu lama dalam 15 bidang keilmuan, seperti:

1. Ilmu asal kejadian alam dan sejarah
2. Ilmu manusia dan makhluk ciptaan
3. Ilmu astronomi falak
4. Ilmu faraid

5. Ilmu matematik
6. Ilmu perubatan
7. Ilmu ramalan dan tadbir
8. Ilmu sains hayat sains fizik
9. Ilmu tasawwuf/aqidah/fiqh
10. Ilmu falsafah/adat dan bahasa
11. Ilmu teknologi kejuruteraan
12. Ilmu tajwid
13. Ilmu pelayaran dan kompasan perjalanan laut
14. Ilmu kesusasteraan
15. Ilmu jampi geba (kebal) untuk pertahanan diri (Salaeh dan Mohamed Yusoff, 2019).

Manuskrip Al-Quran MSMA021.

Pengertian Manuskrip Al-Quran (MSMA021)

Akronim MSMA ialah singkatan kepada MS = manuskrip; M = madrasah dan A = al-ahmadiyah.

Faktor dan Kecenderungan Ke Arah Pengumpulan Manuskrip.

Manuskrip ini pada awalnya hanya mempunyai 13 buah kesemuanya. 12 buah berasal daripada Alam Melayu manakala sebuah daripada Yaman. Setelah itu sebanyak 76 buah manuskrip khususnya dalam bidang Quran dihimpunkan sehingga kini. Menurut Haji Lutfi, 76 buah manuskrip tersebut berasal daripada Nusantara iaitu Kedah, Aceh, Indonesia-Kampung Mongol, Yaman, Persia-Wafawiah, Kufi, Mesir dan Andalus. Dalam masa 5 tahun, Haji Lutfi telah berusaha bersungguh-sungguh menghimpunkan manuskrip tersebut rentetan usaha kerajaan Turki yang telah membuat pemuliharaan terhadap manuskrip tersebut. Di samping itu, beliau turut mengumpulkan manuskrip selain Quran dan barang artifak yang berkaitan teknologi umat Melayu masa dahulu.

Ahli Jawatankuasa Pusat Manuskrip

Setelah tertubuhnya pusat manuskrip ini, ahli jawatan kuasa telah ditubuhkan bagi membantu kelancaran dari segi aspek pengumpulan dan pemuliharaan manuskrip-manuskrip yang terdapat di pusat manuskrip tersebut. Ahli jawatankuasa yang terlibat terdiri daripada guru-guru dan tenaga pengajar di Madrasah Ahmadiyah itu sendiri (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016). Antaranya ialah:

1. Ustaz Mahmud Ahmad (Wakil Guru Agama)
2. Ustaz Muhammad Suji Tahir (Ketua Agama (Ketua Agama Daerah)
3. Ustaz Arifin Samuh (Ahli Masyarakat)
4. Ustaz Akhuya Haji Sami (Yang Berkhidmat)
5. Ustazah Awatif Munah (Ketua Badan Pelajar dan Akademik)
6. Hazami Salih (Wakil Guru Akademik)
7. Aminah Sarimah (Pelatih)
8. Hazmah Samud (Pelatih)
9. Muhammad Lutfi Sami (Ketua Pentadbiran)

Pasukan Pengumpul Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip ini di lakukan terdapat dua orang yang penting dan bertanggungjawab dalam menguruskan aspek pengumpulan manuskrip. Mereka adalah Ustaz Muhammad Lutfi sendiri dan Ustaz Ahmad Kelaba. Mereka berdua telah berjaya


mengumpulkan manuskrip dalam pelbagai bidang dan tidak hanya tertumpu kepada manuskrip Quran sahaja (MuhammadLutfi, 3 Julai 2016).

Organisasi Pencarian Manuskrip dan Artifak Sumber: Muhammad Lutfi (3 Julai 2016)

1. Manuskrip-Bahagian Keris Lama/Alat Senjata Lama/Permata (Ustaz Ismail)
2. Bahagian Besi/Teknologi (Ustaz Ahmad Kelaba)
3. Bahagian Benda/Cari/Kajian/Sejarah (Ustaz Ahmad Awang & Cikgu Mat)
4. Al-Quran (Muhammad Lutfi).

Isi kandungan manuskrip Al-Quran MSMA021


Naskah koleksi Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiyah salinan manuskrip Al-Quran MSMA021 yang ditulis lengkap 30 juz dan juga terdiri daripada 114 surah yang lengkap susunan, surahnya bermula dari surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah an-Nas serta sempurna, mengikut susunan surah. (Syed Hassan dan Salaeh, 2023).



Gambar no 1: Kulit muka hadapan dan belakang manuskrip MSMA021

Bahagian Kertas manuskrip Al-Quran MSMA021

Manuskrip Al-Quran MSMA021 ini menggunakan kertas yang terbuat daripada kulit kayu dan bahagian kulit kitabnya daripada kulit binatang. Dakwat yang digunakan adalah berwarna hitam, merah, hijau, kuning, biru, dan emas, serta dihiasi dengan corak berwarna emas.









Gambar no 2: dabt dan seni yang di tulis pada surah al kahfi

Selesai Ditulis Manuskrip Al-Quran MSMA021

Menurut catatan, manuskrip Al-Quran MSMA021 disiapkan pada kurun ke-17 Masihi. Hasil seni ini menunjukkan keindahan kesenian orang Melayu Pattani. Terdapat sedikit perubahan warna dan dakwat kelihatan pudar. Manuskrip ini ditulis dalam bahasa Arab menggunakan khat Nasakh dan mengandungi sebanyak 606 muka surat.


Dabt Dalam Surah Al-Baqarah

Bentuk-Bentuk Tanda Baca dalam Manuskrip al-Quran MSMA021





Bil	Ayat	Tanda Baca	Bentuk	Contoh
		1-Harakat		
1.	<u>6, 25</u>	Fathah dan <u>Kasrah</u>		
2.	9	Dammah		
3.	70	Dammah		







Harakat adalah baris yang datang pada huruf untuk menentukan harakat huruf sama ada fathah, kasrah, dammah dan sebagainya. Tanda baca yang diletakkan dalam manuskrip MSMA021



sama ada harakat dhammah atau fathah dan kasrah adalah mengikut kepada konsep yang diperkenalkan iaitu baris dhammah diambil daripada huruf waw kecil yang diletakkan di atas huruf. Baris fathah diambil daripada huruf alif kecil yang diletakkan di atas huruf. Baris kasrah diambil daripada huruf ya kecil yang diletakkan di bawah huruf (Abi Abd Allah, 2000) Huruf “u” dibunyikan dengan baris dhammah, huruf “a” baris fathah dan huruf “i” melahirkan baris kasrah. Ghanim Quduri Al-Hamad (2016) telah menjelaskan dalam kitabnya tentang "Menghilangkan alif tengah daripada beberapa perkataan seperti العلمين dan فعليين








Gambar No 3: Surah Al Baqarah Muka Surat 11

Bil	Ayat	Tanda Baca	Bentuk	Contoh
		2-Tanwin		
	35	Tanwin di atas (selain hukum izhar)		
	106	Tanwin di bawah (selain hukum izhar)		
	7	Tanwin didepan (selain hukum izhar)		
	25	Tanwin di atas (selain hukum Ikhfa Haqiq)		

	95			
	99	Tanwin diatas dan dua di bawah (hukum iklab)		
	96	Tanwin didepan (hukum iklab)		









Dalam perbincangan bentuk tanwin, tanwin ditulis sama dengan harakat di atas iaitu dengan baris dua bertindih kecuali pada harakat tanda tanwin dammah (dammatayn) yang berbeza seni penulisannya. Dalam manuskrip MSMA021 ini dammatayn ditulis dengan wau kecil secara berhadapan dengan huruf waw diatas terbalik seperti angka “69”. Setelah buat kajian Penulisan tanwin dalam manuskrip MSMA021 mempunyai perbezaan pada hukum bacaan pada huruf sahaja tetapi Kenyataan ini sama sekali tidak sama dengan penulisan tanwin pada mushaf rasm Uthmani yang membezakan penulisannya kepada tiga bentuk tanwin iaitu tanwin tarqib iaitu pada baris fathah dan kasrah seperti ditulis bertindihan () manakala baris di hadapan (dammatayn) seperti ().


Tanwin seperti ini menunjukkan bacaan hukum izhar. Manakala yang kedua dipanggil tanwin tatabu. Baris fathah ditulis berurutan seperti () Hukum pada tanwin ini menunjukkan bacaan pada Hukum pada hukum Ikhfa Haqiq.

Bil	Ayat	Tanda Baca	Bentuk	Contoh
		3-Sabdu		
	62	Sabdu (Tasydid) harakat diatas		
	85	Sabdu (Tasydid) harakat diatas		



Pada jadwal yang ketiga ini, kedudukan tanda sabdu (tasydid) terletak di atas dan berdekatan dengan huruf. Tanda harakat (fathah dan dammah) diletakkan di atas tanda sabdu bagi harakat berbaris, kecuali harakat kasrah sabdu tetap di atas dan berbaris di bawah. Tanda sabdu hanya diletakkan pada huruf yang berbunyi ganda, yaitu huruf pertama mati dan huruf kedua hidup, untuk memasukkan idgham huruf pertama ke huruf kedua. Namun, pada bunyi idgham, tanda sabdu tidak diletakkan selepas tanwin. Muhammad Salim Muhaisin (1989) dalam kitabnya menjelaskan bahawa tanda-tanda seperti syaddah, sukun, ishmam, ikhtilas, serta hamzah, diperkenalkan pada zaman kegemilangan Khalifah Abbasiyah.

Bil	Ayat	Tanda Baca	Bentuk	Contoh
		3-Sukun		







	40	Sukun		
	167	Sukun		
	239			
	240			

Bentuk sukun dalam manuskrip al-Quran MSMA021 adalah berbentuk bulat seperti huruf “o”. Tanda tersebut diletakkan pada semua huruf mati dan ada juga yang bentuknya seperti kepala huruf “ha” (ح) dalam semua kebanyakan mushaf rasm Uthmani seperti  tanpa membezakan dari sisi tajwid. Bentuk ini diambil daripada pandangan mazhab Abu Dawud. (Abu Dawud Sulaiman, 2007).

Dan secara umum bahawa Sukun itu tidak adanya harakat, dan tidak menggambarkan suara tertentu dengan kaidah penulisan: Goresan (tarikan) di atas huruf yang disukūn menurut madzhab ahli Andalus, lingkaran kecil diatas huruf seperti angka nol untuk menandakan sukun menurut madzhab Madinah, Kepala kha tanpa titik (͠) diambil dari awal lafal khaffif menurut pendapat madzhab ahli Arab, tanda seperti huruf hā` menurut sebagian ahli Arab, tanda bulat dan kepala khā` menurut Abu Dawud Al-Ḥamd, Ghanim Qadduri (2016).

Bil	Ayat	Tanda Baca	Bentuk	Contoh
		4-Mad		
	1	Mad Lazim		
	6	Wajib/ Jaiz		
	62	Mad badal		

	136	Mad badal	Tiada	
	208	Mad lazim kalimi musakqal		

Terdapat sebahagian kecil tanda mad yang wujud pada bacaan mad lazim dan mad Wajib dan mad badal, iaitu tanda panjang seakan-akan baris fathah dan kasrah tetapi panjangnya lebih sedikit daripada baris fathah dan kasrah dan melintang  dan Misalnya pada surah al baqarah ayat 1 iaitu kalimah  Dalam penulisan tanda mad ini kadang-kadang tidak tetap. Manakala, tanda mad bacaan  manuskrip al-Quran MSMA 021 kadang kala ditulis kadang kala tiada ditulis. Contohnya perkataan  di letak mad kecil Dan perkataan Tulisannya menyerupai rasm Uthmani tetapi tidak me  mad badal kecil. Daripada kajian penul  mua dalam surah al baqarah dalam manuskrip al-Quran MSMA 021 ini pengarang tidak meletakkan tanda mad badal dan ada juga yang meletak mad badal kecil hanya pada kalimah-kalimah tertentu.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia – Industri 20124 di bawah Skim Geran Penyelidikan dengan nombor rujukan PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/15724

Kesimpulan

Setelah mengkaji Manuskrip Al-Quran MSMA021 dalam surah Al-Baqarah, dapat disimpulkan bahawa ilmu dabt yang dibahas dalam manuskrip ini secara umum tidak mengikuti metode dabth yang sebenar seperti harakat lengkap, tanwin, mad, sabdu, sukun, dan hamzah, tetapi lebih sesuai dengan pola tulisan yang normal. Terdapat perbezaan yang signifikan antara dabth yang digunakan penulis dalam manuskrip ini jika dibandingkan dengan mushaf rasmi uthmani. Ada kemungkinan bahawa manuskrip ini lebih menekankan aspek pengajaran dan bacaan.

Ironinya, ilmu-ilmu Al-Quran sangat penting sebagai landasan bagi kemajuan ilmu pengetahuan yang kini mengalami perubahan dalam proses pembangunan masyarakat. Ia disebut sebagai "warisan budaya". Hal ini juga menjadi bagian utama dalam kemajuan pendidikan di Narathiwat, khususnya di universiti atau institusi pendidikan tinggi. Penulisan ilmu-ilmu Al-Quran merupakan karya besar yang akan meningkatkan harkat dan martabat tulisan para ulama terdahulu secara akademik dan lebih berwibawa kepada generasi digital, khususnya dalam bidang Al-Quran.

Rujukan

- Abd Muhaimin Ahmad (2021) Perbezaan Di Antara Mushaf-Mushaf Al-Quran: Sorotan Terhadap Aspek Ilmu Dabt Al-Quran. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. USIM Press.
- Abdulloh Salaeh Ismail Al- Fathani, Adnan Mohamed Yusoff (2019). Tuan Haji Muhammad Lutfi Ahmad: Peranan Dan Sumbangannya Dalam Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Manuskrip Melayu Islam Di Narathiwat, Thailand. Selangor: Dar al-Syakir.
- Abdurrasyid Ridlo, Susanti Vera, Ecep Ismail, (2022) Studi Tematik Hadis tentang Keutamaan Membaca Al-Quran, The 2nd Conference on Ushuluddin Studies.

- Abi Abd Allah Muhammad bin 'Abdullah al-Tanassi, (2000) *Al-Tiraz fi Dabt al-Kharraz*
Al-Hamd, Ghanim Qadduri. (2016) *Al-Muyassar fi Ilm al-Rasm al-Mushaf wa Dabtihi*. Jeddah:
Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Qur'aniyyat fi Ma'had al-Imam al-Shatibiyy Madinah
al Munawarah: Majma 'al-Malik Fahd li Taba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- Aslam Farah Selamat, Shaharuddin Pangilun, Mardhiah Yahaya. (2018). *Pengetahuan Dabt Al-
Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Enam Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat,
Iqsa, 4th International Conference On Islamiyyat Studies*.
- Ghanim Quduri Al-Hamad, 2016. *Al-Muyassar Fi Ilm Rasmi Al-Mushaf Wa Dabtihi*, Disemak
oleh: Prof. Dr. Abdul Hadi Hamito, Prof. Dr. Ahmad Khalid Shukri, Dr. Ahmad bin Ahmad
Shershal, Prof. Dr. Majid Zaki Al-Jallad, Pusat Kajian dan Maklumat Al-Quran di Institut
Imam Al-Syatibi, Jeddah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim (1414). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Itr, Nur Al-Din. (1996). *Ulum al-Quran al-Karim*. Damsyik: Matba'at Al-Sabah.
- Juli Julaiha (2023). *Sejarah Penulisan dan Pembukuan Alquran*, Jurnal Ilmiah Wahana
Pendidikan.
- MuhammadLutfi, (29 Ogos 2017). *Sejarah Penubuhan Pusat Manuskrip di Madrasah al
Ahmadiyah al-Islamiah*. Temubual.
- Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Irsyad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: al-
Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Siti Hajar, Riza Awal Novanto, (2021). *Al-Quran Sebagai Syifa' Dan Meditasi Kesehatan, Al
mufassir*.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Norhasnira Ibrahim, Abdulloh Salaeh (2018). *Madrasah Al-
Ahmadiyah Al-Islamiah Di Narathiwat, Thailand Dan Koleksi Al-Quran: Satu Kajian
Deskriptif. Journal of Fatwa Management and Research (Jurnal Pengurusan dan
Penyelidikan Fatwa)*. USIM Press.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Abdulloh Salaeh (2023). *Katalog Manuskrip Koleksi Madrasah
Al ahmadiyah Al islamiah Narathiwat- Thailand*. Penerbit USIM.
- Zamri Rajab, Mohd Rusli Ismail, Ahmad Amir Khan Shah Ahmad@Mohammed, (2021). *Rasm
Uthmani: Perbandingan Prinsip Al-Hazf Dalam Al-Quran Al-Karim Dan Quran Majid,
Malaysian Journal For Islamic Studies*.